



KIAS/Pent/0.4/99/18
13 Mac 2024M / 02 Ramadhan 1445H

Semua Kakitangan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

Tuan/Puan,

PANEL PERUBATAN KIAS

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (JPE) KIAS Bil 3/2024 pada 26 Februari 2024, panel perubatan yang berjumlah RM 1000.00 setahun untuk kakitangan yang layak adalah termasuk juga untuk rawatan pergigian.

Memandangkan KIAS tidak bercadang untuk melantik mana-mana klinik pergigian sebagai panel untuk urusan di atas pada masa ini, semua tuntutan bagi rawatan pergigian kakitangan boleh dibuat di Unit Kewangan berdasarkan resit bayaran sepertimana tuntutan rawatan perubatan yang lain.

Sekian, dimaklumkan.

Yang benar,

MOHD KHAIRIL HAZMIE BIN YUSOF
Pendaftar

s.k : *Rektor*
 Timbalan Rektor Akademik dan Penyelidikan
 Timbalan Bendahari
 Penolong Pendaftar Pentadbiran